

DATE: 10/9/2008

# Mahathir sedia kembali sertai UMNO

Oleh AMRAN MULUP

**KUALA LUMPUR** 9 Sept. - Bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersedia untuk menyertai semula UMNO selepas mengambil keputusan keluar daripada parti itu Mei lalu.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin (**gambar**) berkata, Dr. Mahathir menyuarakan hasrat tersebut selepas beliau mengadakan pertemuan atas jemputan bekas Perdana Menteri itu, Sabtu lalu.

"Pada pertemuan itu, saya telah minta beliau memikirkan semula dan menimbang untuk kembali menjadi ahli UMNO.

"Saya amat gembira apabila Dr. Mahathir bersetuju menyerahkan semula borang keahlian UMNO, tetapi beliau tidak pasti sama ada Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan menerima permohonannya," kata Muhyiddin kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) di sini hari ini.

Muhyiddin dilaporkan mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir di kediaman bekas Perdana Menteri itu di Cyberjaya.



Turut serta dalam pertemuan itu ialah Tengku Razaleigh Hamzah, Tan Sri Sanusi Junid dan Tan Sri Sabbaruddin Chik.

Mei lalu, Dr. Mahathir membuat kejutan apabila mengumumkan keluar daripada UMNO berkuat kuasa serta-merta.

Bekas Presiden UMNO selama 22 tahun antara 1981 hingga 2003 dan merupakan antara ahli terawal parti itu sejak penubuhannya pada 1946 berkata, beliau bertindak demikian kerana hilang keyakinan terhadap kepimpinan Presiden UMNO sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut bekas anggota UMNO seumur hidup itu, beliau hanya akan kembali menyertai UMNO selepas Abdullah yang juga Perdana Menteri meletak jawatan atau tidak lagi menjadi pemimpin negara.

Mengulas lanjut, Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, hasrat Dr. Mahathir itu telah dimak-

lumkan kepada Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak, semalam.

Bagaimanapun, kata beliau, perkara itu belum diberitahu kepada Abdullah.

"Saya tidak sempat hendak berjumpa Abdullah tetapi perkara itu akan saya maklumkan kepada beliau nanti," katanya.

Ditanya sama ada tindakannya itu dapat diterima oleh para pemimpin UMNO lain terutama mereka yang menjadi sasaran kecaman Dr. Mahathir, Muhyiddin yakin ia bukan satu isu.

Secara peribadi beliau menyifatkan keha-

diran semula bekas Presiden UMNO itu akan dapat menguatkan semula parti, mengembalikan kekuatan Melayu dan sekali gus memperkukuhkan Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, Dr. Mahathir tidak menakan sebarang syarat berhubung keputusannya untuk menyertai semula UMNO.

Muhyiddin berkata, mesyuarat MT UMNO akan membincangkan mengenai perkara tersebut sebelum membuat ketetapan untuk menerima kembali Dr. Mahathir ke dalam UMNO.

"Saya yakin MT UMNO amat menga-

lu-alukan keputusan beliau kembali ke UMNO, tetapi apa pun keputusan muktamad hanya pada MT," ujarnya.

Menurut Muhyiddin, sewaktu MT UMNO menerima keputusan Dr. Mahathir untuk keluar daripada parti ada satu klausa yang menyebut "kami amat gembira untuk menerima beliau pada bila-bila masa jika beliau ingin kembali semula ke pangkuan UMNO."

Sehubungan itu, Muhyiddin yakin semua ahli UMNO bersedia menerima Dr. Mahathir kembali ke pangkuan parti itu.

## Tiada masalah terima Dr. M

**KUALA LUMPUR** 9 Sept. - UMNO tidak mempunyai sebarang masalah untuk menerima bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berhasrat untuk menyertai semula parti itu.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Mhd. Taib (**gambar**) berkata, keputusan Dr. Mahathir untuk keluar parti pada Mei lalu juga bukannya disebabkan oleh tekanan mana-mana pihak dalam UMNO.

"Tun adalah bekas pemimpin UMNO, bekas Perdana Menteri dan kita juga tidak pernah meminta Tun meninggalkan UMNO.

"Soal gembira atau tidak gembira dengan hasrat Tun itu tidak timbul sama sekali kerana UMNO tidak ada masalah untuk menerima-



nya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas pengumuman Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yasin mengenai hasrat Dr. Mahathir untuk menyertai semula UMNO yang dibuat dalam satu pertemuan Sabtu lalu.

"Saya amat gembira apabila Dr. Mahathir bersetuju untuk menyerahkan semula borang keahlian UMNO, tetapi tidak pasti sama ada

Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan menerima permohonannya," katanya.

Mengenai pelbagai kritikan yang dibuat Mahathir terhadap kepimpinan UMNO sebelum ini, Muhammad berkata, bekas Perdana Menteri itu pasti akan meneruskannya walaupun sudah menjadi ahli parti.